

# Jawatankuasa bersama rancakkan dagangan 2 hala

**Tashkent:** Malaysia dan Uzbekistan bersetuju mengaktifkan Jawatankuasa Bersama Perdagangan Antara Kerajaan dan mengubah jawatankuasa itu menjadi Suruhanjaya Bersama Antara Kerajaan.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev, berkata lawatan bersama wakil dalam kalangan perniagaan serta mengambil bahagian dalam pameran yang diadakan di kedua-dua negara akan diteruskan.

Kedua-dua negara juga bersetuju menganjurkan pembabitan perniagaan dua hala secara kerap dan berkesan bukan sahaja dalam sektor barangan dan perkhidmatan arus perdana tetapi turut membabitkan pelancongan, peluang penjagaan kesihatan dan bidang lain yang memberi manfaat bersama.

“Dua pemimpin menekankan kepentingan mengutamakan pengembangan perdagangan dan kerjasama ekonomi yang saling menguntungkan antara Uzbekis-

tan dan Malaysia,” kata kenyataan itu.

Anwar dan Mirziyoyev juga mengambil maklum mengenai peningkatan ketara dalam jumlah perdagangan bersama dalam barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara sejak tujuh tahun lalu serta keperluan mengenai pasti peluang yang belum diteroka dan menyatakan kesediaan untuk mengembangkannya lagi pada beberapa tahun akan datang.

“Kedua-dua pemimpin turut bersetuju terdapat keperluan mengadakan rundingan tetap antara agensi bertanggungjawab kedua-dua negara untuk membincangkan isu mewujudkan keadaan yang menggalakkan bagi jumlah perdagangan dua hala, mempelbagaikan komposisi pertukaran barangan dan meningkatkan jumlahnya,” kenyataan berkata.

Bagi merangsang perdagangan bersama, kedua-dua pemimpin juga menekankan keperluan meneruskan kerja secara sistematik dalam pembangunan selanjutnya

dalam ketersambungan pengangkutan udara dan mewujudkan laluan logistik baharu yang mudah untuk memastikan kedua-dua negara menjalankan perniagaan dengan lancar.

## Usaha percepat kerjasama

“Untuk memudahkan proses eksport dan import, kedua-dua pemimpin mengambil maklum mengenai keperluan mempercepat kerjasama antara badan kawal selia teknikal yang menyelia piawaian produk di kedua-dua negara dan bagi menyepadukan sistem maklumat dalam bidang fitosanitasi,” kata kenyataan itu.

Pada 2023, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Uzbekistan adalah RM451.1 juta (AS\$94.03 juta) dengan eksport ke Uzbekistan berjumlah RM449 juta (AS\$93.6 juta) dan import berjumlah RM1.99 juta (AS\$414,518).

Dalam pada itu, kedua-dua pemimpin berpuas hati terdapat beberapa pembabitan progresif antara Uzbekistan dan Malaysia dalam mewujudkan ekosistem in-

dustri halal kondusif yang akan membawa manfaat bersama.

“Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Uzbekistan juga menekankan peluang kerjasama dalam pelbagai sektor ekonomi dan membincangkan kemungkinan projek bersama dalam tenaga, termasuk sumber tenaga boleh diperbaharui, kimia, elektronik dan kejuruteraan elektrik, farmaseutikal dan tekstil, industri perlombongan dan metalurgi, pemprosesan produk pertanian dan industri makanan, kejuruteraan dan pembinaan.

“Dari pihak Malaysia, ia mengesahkan sudah bersedia untuk menggalakkan wakil komuniti perniagaan melabur di wilayah Uzbekistan manakala pihak Uzbekistan pula menyatakan kesediaannya untuk memberikan bantuan diperlukan kepada pelabur Malaysia bagi memudahkan prosedur menjalankan perniagaan di negara berkenaan,” kata kenyataan itu.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga bersetuju memudahkan prosedur pelaburan untuk kemasu-

kan dan keluar pelabur sekali gus mewujudkan persekitaran kondusif untuk pertukaran aktiviti berkaitan pelaburan yang sihat antara Malaysia dan Uzbekistan.

“Bagi menggalakkan kerjasama industri bersama, dua pemimpin itu menyokong cadangan wujudkan zon perindustrian Uzbekistan-Malaysia di Uzbekistan merangkumi laluan selamat bagi barangan serta mengkaji rangka kerja undang-undang kerjasama dalam melindungi ahli perniagaan dua negara,” kata kenyataan itu.

Terdahulu, Anwar mengadakan kunjungan hormat ke atas Mirziyoyev.

Pada pertemuan sejam itu, kedua-dua pemimpin membincangkan hubungan antara Malaysia dan Uzbekistan serta meneroka bidang kerjasama yang berpotensi.

Uzbekistan adalah persinggahan terakhir lawatan rasmi Anwar ke tiga negara Asia Tengah. Sebelum ini beliau melawat Republik Kyrgyz dan Kazakhstan. **BERNAMA**